

## 263 penggiat pelancongan Taman Negara Pahang dibantu

Oleh **Roselan Ab Malek** - Januari 29, 2021 @ 10:17am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Pengerusi Jawatankuasa FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Nazri Ngah (dua kanan) menyampaikan sumbangan kerajaan negeri kepada pemandu pelancong Taman Negara serta pemandu bot Sungai Tahan dan Sungai Tembeling di Kuala Tahan hari ini. - Foto ROSELAN AB MALEK

JERANTUT: Seramai 263 penggiat pelancongan di Taman Negara Pahang menerima bantuan wang tunai dari kerajaan negeri bagi meringankan beban mereka yang hilang punca pendapatan kerana ketiadaan pelancong.

Pengerusi Jawatankuasa FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Nazri Ngah berkata, mereka yang menerima bantuan itu ialah ahli Persatuan Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Taman Negara, di Kuala Tahan, Jerantut, Sungai Relau Merapoh, Lipis dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah, Temerloh serta Persatuan Pemandu Bot Sungai Tahan dan Sungai Tembeling.

Katanya, sumbangan itu adalah misi agihan bantuan COVID-19 kerajaan negeri bagi meringankan beban mereka yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

"Mereka menerima RM600 setiap seorang dan sumbangan ini adalah atas keprihatinan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail untuk meringankan beban penggiat pelancongan yang terjejas.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kerajaan negeri kepada pemandu pelancong Taman Negara Pahang dan pemandu bot Sungai Tahan dan Sungai Tembeling di Kuala Tahan hari ini.

Nazri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tawar, berkata sumbangan berkenaan sebagai tanda prihatin kepada golongan terbabit yang terkesan ekoran penularan pandemik COVID-19.

Nazri berkata, kerajaan negeri turut memberi sumbangan RM5,000 menerusi Tourism Pahang, kepada pemandu pelancong Taman Negara, Zulkifli Daud yang rumahnya terbakar baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Taman Negara, Anas Zainuddin berkata, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana cakna dengan nasib pemandu pelancong dan pengusaha bot pelancongan yang terjejas ekoran penularan wabak COVID-19.

"Kejadian banjir besar awal bulan ini juga turut menambah beban kepada sebahagian ahli persatuan itu yang hilang punca pendapatan," katanya.